




JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

28 JANUARI 2026 (RABU)

Penduduk Lega, Projek Rumah Babi Batal			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	1 & 12	28 Jan



Penduduk Lega, Projek 'Rumah Babi' Batal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	1 & 12	27 Jan



ZARINA



MOHD. SALLEH



RAHMAH

Penduduk lega, projek 'rumah babi' batal

- Bantahan dapat perhatian kerajaan Selangor
- Bimbang isu pencemaran, kesihatan awam

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

HULU SELANGOR – Penduduk Felda Sungai Tengi Selatan di sini lega dengan keputusan kerajaan negeri yang membatalkan cadangan pembinaan ladang babi berskala besar di kawasan Bukit Tagar.

Bagi mereka, keputusan pembatalan itu bukan isu politik atau sentimen semasa, sebaliknya mengenai kelangsungan hidup, kesihatan awam dan sensitiviti penduduk setempat.

Seorang penduduk, Mohd. Salleh Mohd. Taiban, 42, berkata, keputusan itu dianggap tepat dan selari dengan kehendak masyarakat di kawasan tersebut.

"Kami memang tak nak (bantah) sejak dari awal lagi. Kalau betul projek tersebut (pembinaan ladang babi) dibatalkan, memang lega," katanya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Jelasnya, isu pencemaran dan

'Rumah babi' dipindah ke lokasi lain

Keratan Kosmo! semalam.

kesihatan menjadi kebimbangan utama penduduk kerana bau sampah di kawasan itu ketika ini sukar dibendung, apatah lagi sekiranya ladang dibina seperti yang diperkatakan sebelum ini.

Sementara itu, peniaga, Rahmah Saud, 60, bersyukur kerana bantahan mereka terhadap cadangan pembinaan kandang babi moden di Bukit Tagar mendapat perhatian kerajaan Selangor.

Dia yang sudah lebih 38 tahun menetap di Felda Sungai Tengi Selatan berkata, penduduk di kawasan ini memerlukan kemudahan seperti hospital yang masih belum direalisasikan sehingga kini, bukannya ladang babi.

Bagi Zarina Abu Bakar, 52, dia menyokong penuh pembatalan projek ladang babi berskala besar di Bukit Tagar dan mahu kerajaan negeri berpegang teguh dengan keputusan tersebut.

"Alhamdulillah, kalau betul

dibatalkan. Kalau boleh (batal) selama-lamanya," katanya.

Penduduk memaklumkan, jarak Bukit Tagar dan Felda Sungai Tengi Selatan sejauh 11 kilometer perlu diberikan perhatian termasuk pencemaran alam dan risiko kesihatan untuk tempoh jangka panjang.

Semalam Kosmo! melaporkan kerajaan negeri Selangor membatalkan sementara cadangan pembangunan ladang babi di Bukit Tagar dan akan mencari lokasi alternatif yang sesuai bagi aktiviti penternakan moden.

Cadangan pembinaan ladang babi itu turut menarik perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyarankan projek di Bukit Tagar dibatalkan dengan mengambil kira keresahan penduduk di kawasan tersebut.

Pada 16 Januari lalu, lebih 200 penduduk Felda Sungai Tengi Selatan, Sungai Tengi, Soeharto dan Gedangsa serta penempatan di Bestari Jaya mengadakan perhimpunan aman bagi membantah pembinaan ladang babi moden di Bukit Tagar.

Bantahan turut ditunjukkan lebih 2,000 pertubuhan bukan kerajaan Islam yang menentang sekeras-kerasnya penternakan ladang babi termasuk cadangan di Bukit Tagar.

DVS: Centralised Pig Farming Protects Public Health, Curbs Environmental Pollution

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Code Blue	News	Dalam Talian	28 Jan



Pigs in a farm. Photo by Shutterstock.

KUALA LUMPUR, Jan 28 — Centralised or modern pig farming (MPF) can help protect public health and reduce environmental pollution, said the Department of Veterinary Services (DVS).

The federal agency said key elements of MPF include the use of a closed-house system, implementation of Good Animal Husbandry Practices (GAHP), the establishment of buffer zones of at least 200 metres, and effective waste management systems—either zero discharge or

controlled discharge below 50 ppm.

In addition, planned and regulated farm siting allows disease prevention and control measures to be carried out more effectively.

“The implementation of modern pig farming can reduce the risk of zoonotic diseases, protect public health, and support the sustainability of the national livestock industry,” DVS told CodeBlue yesterday in an email response.

DVS said MPF or centralised pig farming also generally helps to reduce the negative impacts of environmental pollution, especially pollution of public drains, rivers, odour, and solid waste such as manure and food waste.

“This approach not only controls pollution but also ensures more systematic and environmentally friendly waste management, where centralised systems and high-technology waste treatment controls that are more economical can be developed,” said DVS.

The agency cited two main principles of waste management requirements for MPF: zero discharge, and centralised and modern management.

With zero discharge, there is no discharge of solid or liquid waste into public drainage systems. All waste materials are fully processed within the farm system; fully treated water can be reused by the farm for activities such as pen washing.

Centralised and modern management, on the other hand, facilitate pollution control because operations are more regulated. It also reduces the risk of uncontrolled pollution compared to scattered small-scale farms.

“Therefore, if waste management principles are practised and complied with in pig farming, environmental pollution risks can be reduced.”

Modern Pig Farming Reduces Risk Of Nipah Virus Outbreaks

DVS sought to dispel misconceptions tying MPF to risk of a Nipah virus outbreak, saying that centralised pig farming actually cuts the risk of zoonotic disease transmission.

“The perception that modern pig farming projects automatically increase the risk of a Nipah outbreak is inaccurate,” said DVS.

“In reality, the Nipah virus originates from fruit bats as the natural reservoir, while pigs act as amplifier hosts only under certain conditions. This perception stems from the 1998–1999 outbreak experience, which involved traditional farms with weak biosecurity.

“Modern pig farms today operate with closed systems, strict biosecurity, and better site planning, which reduce the risk of disease transmission to humans and surrounding communities.”

DVS explained that the main

cause of the spread of the 1999 Nipah outbreak among pigs was the movement of pigs between farms, districts, or states. Epidemiological investigations found that the virus originated from fruit bats (Pteropus), while pigs acted as potential amplifier hosts.

“If pig farms are scattered and not concentrated in a single area, disease control efforts become more difficult during an outbreak because monitoring, enforcement, and emergency response cannot be carried out comprehensively and uniformly,” said the agency.

“In contrast, strategically centralised pig farming locations enable disease prevention and control measures to be implemented more efficiently and effectively through well-planned farm biosecurity systems.”

DVS declined to answer questions specific to the Bukit Tagar centralised pig farming project, referring CodeBlue to the Selangor state government.

Selangor Menteri Besar Amirudin Shari announced yesterday a suspension of the Bukit Tagar project in Hulu Selangor following heavy criticism, saying alternative sites would be identified.-

Projek Tanaman Jagung Berpotensi diperluas Ke Sabah, Sarawak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Nabalu News	Post	Dalam Talian	28 Jan



KUALA LUMPUR: Projek penanaman jagung bijian tempatan bagi menyokong industri ternakan berpotensi diperluas ke Sabah dan Sarawak berikutan kawasan tanah yang luas dimiliki kedua-dua wilayah itu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, projek itu merupakan antara langkah diambil kerajaan bagi mengurangkan beban penternak kecil dan sederhana dalam menghadapi kos bahan makanan ternakan yang tinggi.

Menurutnya, penanaman jagung bijian tempatan telah dimulakan di Perlis dengan keluasan 2,000 hektar, dan setakat ini terdapat 15 syarikat yang terlibat dalam projek tanaman tersebut di seluruh negara.

“Pada peringkat awal, kerajaan akan memberikan sokongan kerana ia memang memerlukan bantuan termasuk dari segi kewangan, logistik dan sebagainya.

“Kita berusaha dan berharap bahawa ia diperluas di Sabah dan Sarawak, kerana tanah di

sana masih luas. Kerajaan berharap kedua-dua wilayah itu dapat terlibat dalam projek jagung bijian ini,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Richard Rapu (GPS-Betong) yang ingin tahu langkah konkrit kerajaan untuk memastikan penternak kecil dan sederhana tidak terus terbeban dengan harga import makanan ternakan.

Menjawab soalan awal Richard mengenai usaha kerajaan membantu penternak kecil dan sederhana beralih ke sistem reban tertutup, Mohamad memaklumkan antara inisiatif dilaksanakan ialah galakan penggunaan teknologi bagi meningkatkan produktiviti.

Katanya, penggunaan teknologi moden seperti automasi dalam pemberian makanan pada skala besar mampu meningkatkan kecekapan pengurusan, memastikan nutrisi optimum serta memperbaiki pertumbuhan dan kesihatan ternakan.

“Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) turut menyediakan khidmat nasihat teknikal, latihan pengurusan ladang moden, audit biosekuriti serta analisis kos dan unjuran

pelaburan bagi membantu penternak mengurangkan risiko projek agar pelaburan berdaya maju.

“Inisiatif lain termasuk geran pemadanan dan pembiayaan melalui Agrobank serta institusi kewangan tempatan bagi pembinaan atau naik taraf reban tertutup dengan keutamaan diberikan kepada penternak kecil dan sederhana,” jelasnya.

Menurutnya, sehingga Disember 2025, sebanyak 19 pembiayaan bagi subsektor ternakan telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan RM62.7 juta.-[NABALUNews](#)

Keterjaminan Makanan Keutamaan Tertinggi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Daily Express	News	Dalam Talian	27 Jan



Jamawi mengakui sektor pertanian sebelum ini agak ketinggalan berbanding sektor pelancongan dan perindustrian di bawah SMJ 1.0.

Kota Kinabalu: Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan menetapkan empat matlamat utama bagi 2026, dengan keutamaan tertinggi memastikan keupayaan Sabah menampung keperluan makanan sendiri diperkukuh.

Menterinya, Datuk Jamawi Jaafar berkata kementerian itu mempunyai hala tuju strategik yang meletakkan keterjaminan makanan sebagai fokus utama.

“Kementerian mempunyai hala tuju strategik dengan keterjaminan makanan sebagai keutamaan,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat kementerian sempena sambutan Tahun Baharu 2026 di Wisma Pertanian, di sini, Isnin.

Beliau berkata Sabah ketika ini hanya menghasilkan 19 peratus daripada keperluan beras sendiri, meskipun negeri ini mempunyai keluasan tanah yang besar

dan banyak sawah padi yang terbiar.

“Adalah mendukacitakan apabila tahap sara diri (SSL) beras kita hanya 19 peratus sedangkan kita mempunyai tanah yang luas dan kawasan sawah padi terbiar yang besar. Banyak silo beroperasi secara berasingan, namun usaha mereka mungkin tidak diselaraskan,” katanya.

Menurut beliau, kementerian menerusi Lembaga Padi dan Beras Sabah akan menyatukan semua agensi Persekutuan dan negeri supaya bekerjasama sebagai satu pasukan bagi meningkatkan pengeluaran padi negeri.

Matlamat kedua kementerian ialah memperkukuh hubungan dengan masyarakat melalui perkhidmatan khidmat nasihat dan latihan yang dipertingkat, sama ada secara bersemuka atau melalui media sosial.

Matlamat ketiga pula adalah menarik lebih ramai golongan muda menceburi bidang pertanian, perikanan, penternakan dan perniagaan makanan sepanjang tahun.

Matlamat keempat memberi tumpuan kepada membantu pengusaha industri makanan Sabah memanfaatkan media sosial dengan lebih berkesan

bagi memasarkan produk mereka.

“Saya yakin apabila keempat-empat keutamaan ini digabungkan, ia akan mengukuhkan ekonomi komuniti,” katanya.

Jamawi turut mengetengahkan inisiatif Kebun Dapur yang dilancarkan tahun ini bagi membantu komuniti luar bandar mempelajari kaedah memulakan pertanian berskala kecil atau penternakan di rumah.

“Ini baru permulaan, namun kami sudah mempunyai perancangan seterusnya dengan penglibatan semua agensi di bawah kerajaan,” katanya.

Kebun Dapur pertama akan dilancarkan di Tuaran dan Ketua Menteri dijadual merasmikannya pada Februari. Inisiatif itu menggunakan pendekatan mentor-mentee bagi menarik minat golongan muda.

“Kementerian telah mengenal pasti mentor pertanian yang berwibawa untuk terlibat dalam inisiatif Kebun Dapur,” katanya.

“Menerusi bimbingan secara langsung, kami menyasarkan untuk melahirkan lebih ramai agropreneur muda yang bukan sahaja mahir dari segi

teknikal, tetapi juga cekap dalam pengurusan dan pemasaran.

“Inisiatif ini akan memberi pendedahan kepada teknologi pertanian pintar, automasi serta penggunaan Internet Pelbagai Benda (IoT), selaras dengan agenda memodenkan sektor pertanian Sabah,” katanya.

Beliau berkata sektor pertanian akan diberi perhatian lebih besar di bawah pelan Sabah Maju Jaya (SMJ) 2.0 yang akan dilancarkan Ketua Menteri pada 30 Jan.

Jamawi mengakui sektor pertanian sebelum ini agak ketinggalan berbanding sektor pelancongan dan perindustrian di bawah SMJ 1.0.

“Kali ini menerusi SMJ 2.0, Ketua Menteri meminta supaya sektor ini diletakkan sebagai keutamaan, maka kami akan bekerja lebih keras untuk memastikan sektor pertanian dapat menyumbang dengan lebih baik kepada SMJ 2.0,” katanya.

Kerajaan Negeri, katanya, mengiktiraf sektor pertanian, perikanan dan industri makanan sebagai tonggak strategik pembangunan negeri, bukan sahaja bagi menjamin keterjaminan

makanan tetapi juga untuk mengukuhkan ekonomi serta menjana pendapatan komuniti luar bandar.

Menurut Jamawi, setiap perancangan dan pelaksanaan kementerian mesti selari dengan agenda SMJ dan diperkukuh melalui kerjasama erat antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

Beliau turut menekankan kepentingan tadbir urus baik, sistem penyampaian cekap serta integriti tinggi dengan toleransi sifar terhadap pembaziran dan ketidakcekapan.

“Peralihan kepada pertanian pintar, penggunaan mekanisasi, amalan pertanian tepat serta penggunaan data, teknologi dan inovasi perlu dipercepat menerusi kerjasama strategik dengan universiti dan institusi penyelidikan,” katanya.

Beliau berkata kementeriannya diperuntukkan RM559.85 juta dalam Belanjawan Negeri 2026, membuktikan komitmen Kerajaan Negeri untuk memacu sektor pertanian demi kesejahteraan petani, penternak, nelayan dan agropreneur.

Mengulas kebimbangan

mengenai sawah padi lama yang ditukar kepada pembangunan perumahan di kawasan seperti Kota Belud, Tuaran dan Penampang, Jamawi berkata penguatkuasaan undang-undang penggunaan tanah di bawah Jabatan Pertanian perlu diperkukuh.

“Kita perlu menguatkuasakan semula undang-undang penggunaan tanah di bawah Jabatan Pertanian,” katanya sambil menegaskan bahawa setiap pembangunan yang melibatkan sawah padi perlu disertai langkah menggantikannya dengan kawasan penanaman padi baharu di lokasi lain.

“Kita tidak boleh berdiam diri saja. Langkah sewajarnya akan diambil bagi memastikan biarpun sesuatu kawasan telah dibangunkan, kawasan lain dibuka untuk penanaman padi,” katanya.

Pada program itu, Jamawi turut menyaksikan majlis memotong kek bagi bekas Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, Dr Mary Josephine S. Golingai, dan bekas Pengurus Besar Korporasi Pembangunan Desa, Jamilah Lee, yang telah menamatkan perkhidmatan mereka.-

[DAILYEXPRESS](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR